

# TATAKELAKUAN PEMBEKAL KONE

## PENGENALAN

KONE mahu menjadi rakan niaga yang menarik dan mencari hubungan yang boleh dipercayai dan adil dengan pembekalnya untuk faedah bersama KONE dan pembekalnya. Daripada pembekalnya, KONE mengharapkan kecekapan dan penambahbaikan berterusan dalam kualiti, kawalan kos, inovasi dan kebolehpercayaan.

Tatakelakuan Pembekal KONE ("Tatakelakuan") menjelaskan nilai-nilai yang dipegang oleh KONE dalam operasinya di seluruh dunia. KONE mengharapkan pembekalnya mematuhi syarat-syarat Tatakelakuan dalam urusan mereka dengan KONE, pekerjaannya sendiri dan para pembekal, serta pihak ketiga termasuk pegawai kerajaan dan yang lain.

### 1. PEMATUHAN UNDANG-UNDANG

Pembekal harus mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, termasuk semua undang-undang kawalan eksport dan sekatan perdagangan antarabangsa yang dikenakan.

Tatakelakuan bukan pengganti mahupun dianggap sebagai menggantikan undang-undang dan peraturan yang diguna pakai tetapi menetapkan standard kelakuan minimum yang perlu diikuti. Sekiranya pembekal tidak dapat mematuhi Tatakelakuan disebabkan oleh undang-undang dan peraturan, pembekal hendaklah, seberapa mungkin, mematuhi semangatnya.

Sekiranya adat dan amalan tempatan bercanggah dengan Tatakelakuan, pembekal harus mematuhi Tatakelakuan.

## 2. URUSAN PERNIAGAAN

### 2.1 Urusan yang Beretika

Dalam semua operasinya, pembekal perlu komited untuk berurusan secara beretika dan menghormati hak asasi manusia berdasarkan semangat standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

### 2.2 Larangan terhadap Amalan Rasuah

KONE mengharapkan pembekalnya mempunyai toleransi sifar terhadap sogokan dan rasuah.

Pembekal harus memastikan pengarahannya, pekerja dan pihak ketiga yang bertindak bagi pihaknya tidak menawarkan, menjanjikan, memberi atau menerima sebarang rasuah atau membuat atau menerima bayaran yang tidak wajar untuk memperoleh perniagaan baharu, mengekalkan perniagaan sedia ada atau memperoleh sebarang kelebihan lain yang tidak wajar. Terutamanya, pembekal tidak harus terlibat dalam sebarang bentuk rasuah atau skim sogokan atau sebaliknya menawarkan sebarang insentif kepada pekerja KONE atau keluarga mahupun sahabat mereka untuk memperoleh atau mengekalkan sebarang perniagaan.

Faedah perniagaan yang berpatutan dan sudah menjadi adat, termasuk hadiah dan hospitaliti korporat (cth. hiburan, makan tengah hari untuk perniagaan dan hadiah kecil) dibenarkan, dengan syarat ia mematuhi undang-undang yang diguna pakai.

Pembekal tidak harus memberi sebarang faedah perniagaan kepada pekerja KONE atau ahli keluarganya dalam apa jua situasi di mana ia mungkin akan mempengaruhi atau kelihatan mempengaruhi keputusan seorang pekerja berhubung dengan pembekal tersebut. Oleh itu, pembekal harus berhati-hari dalam menawarkan faedah perniagaan kepada pekerja KONE dan ahli keluarganya. Sebarang faedah perniagaan mestilah berpatutan dari segi skop, nilai dan kekerapan dan mestilah mencerminkan adat perniagaan tempatan yang lazim. Wang tunai atau persamaannya, seperti kad hadiah, tidak boleh ditawarkan sama sekali.

### 2.3 Percanggahan Kepentingan

Pembekal harus mengelakkan sebarang interaksi dengan pekerja KONE yang mungkin bercanggah atau kelihatan bercanggah, dengan tugas pekerja tersebut untuk bertindak demi kepentingan KONE. Pembekal hendaklah mendedahkan kepada KONE semua percanggahan kepentingan atau situasi yang menggambarkan percanggahan kepentingan dalam penglibatannya dengan KONE.

Pembekal mesti memaklumkan KONE jika seorang pekerja KONE atau ahli keluarga terdekatnya mempunyai kepentingan kewangan yang penting atau kepentingan lain dalam syarikat pembekal. Pembekal juga mesti memaklumkan KONE jika seorang pekerja atau ahli keluarga terdekatnya memegang jawatan pengurusan di syarikat pembekal atau bekerja untuk pembekal dan pekerjaan tersebut mewujudkan percanggahan kepentingan atau menggambarkan demikian.

### 2.4 Persaingan yang Adil

Pembekal harus bersaing secara adil dalam mematuhi semua undang-undang dan peraturan persaingan yang diguna pakai. Sebagai contoh, pembekal tidak harus memeterai sebarang perjanjian dengan pesaingnya untuk meningkatkan harga atau mengehadkan ketersediaan produk.

## 3. HAK BURUH DAN MANUSIA

### 3.1 Tidak diskriminasi

Pembekal harus melayan pekerjaannya secara adil dan sama rata. Pembekal tidak harus mengamalkan diskriminasi dalam pengambilan atau kenaikan pangkat pekerja sama ada berdasarkan jantina, usia, agama, status perkahwinan, orientasi seksual, pendapat politik atau negara asal atau etnik atau ciri-ciri lain yang serupa, yang tidak berkaitan dengan kelayakan individu tersebut atau syarat-syarat sedia ada bagi pekerjaan tersebut.

### 3.2 Buruh Paksa atau Kanak-kanak

Pembekal tidak harus menggunakan buruh paksa atau kanak-kanak dalam apa jua keadaan atau mengikat kontrak dengan pembekal atau sub kontraktor yang menggunakan buruh seperti itu.

### 3.3 Hormat dan Maruah

Pembekal harus melayan pekerjaanya dengan hormat dan bermaruah serta memastikan pekerjaanya mempunyai persekitaran kerja yang bebas gangguan. Pembekal tidak harus toleransi sebarang jenis gangguan terhadap pekerjaanya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, fizikal atau lisan.

### 3.4 Gaji dan Faedah

Pembekal harus memastikan bahawa pampasan yang dibayar kepada pekerjaanya mematuhi semua undang-undang upah yang diguna pakai, termasuk yang berkaitan dengan upah minimum, waktu kerja lebih masa dan faedah wajib.

### 3.5 Kebebasan Berpersatuan

Pembekal harus menghormati hak pekerjaanya untuk berpersatuan dan tawar menawar secara kolektif dalam mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

## 4. KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Pembekal harus menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada pekerjaanya dalam mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang diguna pakai.

Maklumat, latihan dan peralatan keselamatan serta kesihatan yang sewajarnya harus disediakan kepada pekerja pembekal. Pembekal juga harus mempunyai program keselamatan yang berkesan yang merangkumi sekurang-kurangnya keselamatan manusia, kesediaan kecemasan dan pendedahan kepada kimia dan bahan biologi yang berbahaya. Pekerja pembekal tidak harus berada di bawah pengaruh alkohol atau dadah semasa bekerja untuk KONE.

## 5. ALAM SEKITAR

Pembekal harus mengambil semua usaha yang berpatutan untuk melindungi alam sekitar dan memastikan kesan aktiviti dan produknya ke atas alam sekitar, seberapa rendah yang mungkin. Terutamanya, pembekal harus memperoleh, mengekalkan dan mematuhi semua permit, lesen dan pendaftaran alam sekitar yang diperlukan bagi operasinya.

Pembekal harus memantau, mengawal dan merawat dengan sewajarnya sisa air, emisi udara dan sisa lain yang dijana daripada operasinya. Pembekal harus berusaha untuk mengurangkan sisa sejauh mana yang mungkin.

Pembekal harus mempunyai pendekatan yang mencukupi dan sistematik untuk mengambil kira aspek alam sekitar yang termasuk, jika berkenaan, menubuhkan sistem pengurusan alam sekitar yang sesuai. Pembekal harus mematuhi semua undang-undang dan peraturan alam sekitar yang diguna pakai dan syarat-syarat KONE mengenai larangan atau sekatan bahan tertentu termasuk melabelkan untuk pengitaran semula dan pembuangan, termasuk Senarai Bahan Larangan KONE, jika berkenaan.

Pembekal digalakkan untuk menentukan jejak karbon produknya.

## 6. IPR DAN PUBLISITI

Pembekal harus mematuhi semua undang-undang dan perjanjian antarabangsa yang diguna pakai ke atas hak milik intelek. Pembekal tidak harus melanggar hak milik intelek KONE atau sebarang hak milik intelek pihak ketiga.

Kecuali dipersetujui sebaliknya, pembekal tidak berhak untuk mengumumkan kerjasamanya dengan KONE atau menggunakan tanda dagang KONE tanpa mendapatkan kebenaran jelas secara bertulis daripada KONE terlebih dahulu.

## 7. PEMANTAUAN

Pembekal harus memantau secara tetap kepatuhannya kepada Tatakelakuan.

Pembekal, atas permintaan, harus memberi KONE akses kepada semua maklumat dan dokumen berkenaan yang diperlukan untuk mengesahkan kepatuhan pembekal kepada Tatakelakuan. Sekiranya KONE mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pembekal mungkin telah melanggar Tatakelakuan (cth, berdasarkan laporan media), KONE sendiri atau melalui juruaudit pihak ketiga, boleh meninjau premis pembekal untuk mengesahkan kepatuhan pembekal kepada Tatakelakuan.

Sekiranya, pada pendapat munasabah KONE, pembekal telah secara ketara melanggar Tatakelakuan, KONE berhak untuk menamatkan segera hubungan perniagaan dengan pembekal.

Jika pembekal mempunyai kebimbangan serius bahawa sesuatu tidak konsisten dengan Tatakelakuan ini, maka pembekal harus melaporkan perkara tersebut kepada KONE. Kami menggalakkan pembekal untuk membincangkan perkara tersebut dengan pengurusan kanan tempatan KONE tetapi pembekal juga boleh menghubungi Fungsi Pematuhan KONE di [compliance@kone.com](mailto:compliance@kone.com).

## 8. KEBOLEHGUNAAN

Dengan bersetuju untuk bekerja dengan KONE, pembekal mengesahkan bahawa ia dan sekutunya mematuhi Tatakelakuan. "Sekutu" dalam Tatakelakuan ini merujuk kepada sebuah syarikat yang dikawal oleh pembekal, mengawal pembekal atau di bawah kawalan bersama dengan pembekal.

Pembekal harus memastikan bahawa pembekal, sub kontraktor, konsultan dan rakan niaganya mematuhi prinsip-prinsip Tatakelakuan.

### *Diakui dan diluluskan*

Tempat \_\_\_\_\_ Tarikh \_\_\_\_\_  
Nama syarikat \_\_\_\_\_  
Tandatangan \_\_\_\_\_  
Nombor pendaftaran syarikat \_\_\_\_\_